

Pagisa mahu anak tempatan jadi NC UMS

UB 9.6.2017 A2

KOTAKINABALU: Persatuan Graduan Iranun Sabah (Pagisa) menggesa campurtangan kerajaan bagi memastikan anak tempatan yang berkelayakan diberi keutamaan untuk dilantik sebagai naib canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu menggantikan penyandang yang akan habis tempoh tidak lama lagi.

Presiden Pagisa Razak Haji Rakunman berkata anak tempatan perlu diberi keutamaan bukan saja bagi jawatan naib canselor malah untuk jawatan timbalan naib canselor (TNC), dekan, timbalan dekan, pengarah dan sebagainya.

Katanya menurut sumber, kini jumlah orang Sabah yang memegang jawatan dekan dan timbalan dekan semakin sedikit berbanding beberapa tahun lalu di mana ramai ahli akademik dari Sabah dilantik ke jawatan-jawatan itu.

"Perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Jika pelantikan naib

canselor kelak memikirkan profesionalisme, akauntabiliti, merit dan bukan sentimen atau kepentingan sendiri, ia boleh menyebabkan orang yang berpengalaman diketepikan hingga membantutkan kerjaya mereka," katanya.

Katanya mereka yang dilantik ke jawatan pentadbiran seperti dekan atau timbalan dekan, sepatutnya berdasarkan prestasi atau senioriti dan bukan kerana unsur kronisme yang tidak baik untuk imej universiti.

Razak juga mahukan agar Fakulti Pendidikan diwujudkan semula dan tidak digabungkan dengan bidang lain seperti psikologi.

"Sebelum ini, kita pernah menyuarakan agar Sekolah Pendidikan (kini fakulti) diwujudkan di UMS dan setelah melalui proses yang panjang, hasrat untuk menujuhkan Sekolah Pendidikan akhirnya diluluskan. Tetapi, pendidikan dan psikologi diserapkan dalam satu fakulti menyebabkan



RAZAK

bidang pendidikan diketepikan dan tidak lagi menjadi keutamaan.

"Bagaimana kita mahu melahirkan generasi yang cemerlang, jika bidang pendidikan tidak diberikan keutamaan? Apakah lagi jika benar, tidak ada pengambilan baharu bidang pendidikan, ini amat merugikan," katanya.

Beliau juga berkata sebagai sebuah negeri yang kaya dengan khazanah hutan, sepatutnya Fakulti Perhutanan dipertahankan dan tidak diserap ke fakulti lain.

Katanya fakulti itu sepatutnya tidak ditutup atau diserapkan ke dalam fakulti lain.

Sabah adalah antara tempat yang masih mempunyai hutan tropika di dunia dan masih punya kawasan hutan yang besar dan perlu dikaji dan dipulihara.

Oleh itu, Fakulti Perhutanan hendaklah diwujudkan semula kerana ia amat penting untuk pengurusan hutan yang mampan.

Sebelum ini, Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa amat dikenali di seluruh dunia, apatah lagi Sabah adalah mempunyai kawasan hutan yang tertua di dunia.

"Adalah agak aneh jika tiada fakulti perhutanan di IPTA kita," katanya.